

Institut Agama Islam Kedah adakan konvokesyen 20 Okt.

ALOR SETAR 13 Okt. — Seramai 16 orang pelajar asing adalah antara 403 graduan yang akan menerima diploma dan ijazah pada majlis konvokesyen kelima Institut Agama Islam Kedah (Insaniah) di Dewan Seri Negeri, Wisma Darulaman pada 20 Oktober ini.

Pelajar-pelajar luar itu terdiri dua orang dari Republik Rakyat China, sembilan Thailand dan lima pelajar Singapura.

Penolong Pendaftar Perhubungan Awam Insaniah, Muhammad Azki Hafizi Ibrahim memberitahu, Sultan Kedah berkenan untuk me-

nyampaikan ijazah dan diploma tersebut.

Katanya, seramai 100 orang pelajar akan menerima ijazah sarjana muda dalam bidang Usuluddin (41), Syariah (45) dan Bahasa Arab (14) sementara 303 menerima diploma Pengurusan (55), Perakaunan (51), Tahfiz al-Quran (6) dan Pengajian Islam (191).

Daripada 191 penerima diploma Pengajian Islam, 77 orang mengambil jurusan Usuluddin, 72 Syariah dan 42 Bahasa Arab, katanya dalam satu kenyataan akhbar.